

TARIKH	19 / 3 / 2015	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

# Kuota haji kekal 22,320 jemaah

■ Tempoh menunggu dilanjutkan kepada 66 tahun

Oleh Siti A'isyah Sukaimi  
sitaisyah@hmetro.com.my  
Sepang



JAMIL

Kuota haji bagi jemaah Malaysia pada tahun ini masih dikelaskan pada jumlah 22,320 jemaah berikutnya proses penambahbaikan dan pembesaran Masjidil Haram di Makkah masih berjalan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pengurangan itu 20 peratus daripada jumlah keseluruhan 29,000 jemaah yang dibuat sejak 2013.

Katanya, jumlah kuota jemaah haji itu ditetapkan Kerajaan Arab Saudi serta membabitkan se-

mua negara

"Sebagaimana yang dilakukan pada tahun lalu, saya juga meminta pertimbangan khusus kepada Kerajaan Arab Saudi dengan membawa surat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kepada Raja Arab Saudi dan surat saya kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi.

"Buat masa ini jumlah mereka mendaftar haji bagi jemaah Malaysia 1.7 juta dan jika kuota dikurangkan, tempoh menunggu ju-

ga terpaksa dilanjutkan ia-itu dengan perkiraan 66 tahun," katanya pada sidang media sebaik tiba dari Jeddah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Menerusi surat yang disampaikan itu, beliau berharap Kerajaan Arab Saudi dapat memberikan pertimbangan kepada Malaysia bagi menambah kuota haji tahun ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, dalam ucapan Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi kelmarin, pujian turut diberikan kepada Lembaga Tabung Haji (TH) dan memaklumkan agensi itu boleh dijadikan contoh dalam pentadbiran dan pengurusan jemaah haji.

"Beliau menekankan kepentingan menjaga disiplin dalam kalangan jemaah supaya menumpukan kepada hal berkaitan

ibadat sepanjang di Tanah Suci.

"Kami tidak mahu unsur seperti kegiatan militan Negara Islam (IS), demonstrasi atau memberikan sokongan kepada mana-mana pihak dan ini laungan Kerajaan Arab Saudi. "Tumpukan ke-

pada pelaksanaan ibadat haji dan bukan mengambil kesempatan yang lain," katanya.

Jamil Khir berkata, berdasarkan mesyuarat yang dihadiri beliau kelmarin, kerja pembesaran dan penambahbaikan di Masjidil Haram dijangka siap tahun depan.

"Kami berharap proses pembesaran yang dibuat di sana mengikut jadual yang dijangkakan biarpun sebenarnya ada kekangan sedikit seperti kerja pembinaan tidak dilaksanakan pada Ramadan dan musim haji," katanya.

**FAKTA**  
Jumlah kuota jemaah haji ditetapkan Kerajaan Arab Saudi serta membabitkan semua negara